

22 MAR 1996

Abdullah - Poland

HUBUNGAN UDARA KL, WARSAW ERATKAN HUBUNGAN M'SIA-POLAND

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Poland bersetuju untuk menghidupkan semula perjanjian hubungan udara yang ditandatangani lebih 20 tahun lepas bagi membolehkan syarikat penerbangan masing-masing beroperasi antara Kuala Lumpur dan Warsaw.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata perjanjian yang dimeterai pada 1975 itu akan disemak semula dan dilaksanakan untuk kemudahan pelawat dan ahli perniagaan dari kedua-dua negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Poland Dr Wlodzimierz Cimoszewicz bersetuju agar Penerbangan Malaysia dan syarikat penerbangan Poland memulakan rundingan mengenai perkara itu, kata Abdullah kepada pemberita ketika memberikan butiran mengenai mesyuarat delegasi antara Malaysia dan Poland yang masing-masingnya diketuai Dr Mahathir dan Dr Cimoszewicz di sini.

Dr Cimoszewicz dan rombongannya tiba pagi tadi untuk lawatan tiga hari ke Malaysia.

Abdullah berkata kedua-dua pemimpin juga melahirkan hasrat untuk meningkat dan mempelbagaikan aktiviti bersama terutamanya di bidang pembangunan dan ekonomi.

Poland juga menyatakan kesediaan untuk memberikan perhatian terhadap masalah visa yang menyulitkan pemergian rakyat dan ahli perniagaan negara ini ke negara Eropah timur itu.

Mengenai cadangan Poland agar kedua-dua negara bekerjasama untuk membangunkan semula Bosnia Herzegovina, beliau berkata Dr Mahathir membayangkan kemungkinan kerjasama sedemikian diadakan.

"Dr Mahathir berkata ada baiknya mereka yang terbabit mengadakan perbincangan untuk mengenal pasti projek yang boleh dijalankan. Peranan sektor swasta kedua-dua negara penting untuk tujuan ini," katanya.

Abdullah berkata Dr Mahathir membangkitkan soal pembangunan hubungan kereta api Pan-Asia, dan dalam hal ini, Poland boleh membantu Malaysia yang ditugaskan membuat kajian awal mengenainya memandangkan negara itu mempunyai kepakaran di bidang berkenaan.

Mengenai pelawaan Poland agar Malaysia menghadiri Forum Ekonomi Poland-Asia Tenggara September ini, beliau berkata Dr Mahathir bersetuju mengenai penyertaan Malaysia pada forum yang dianggap penting oleh Poland itu.

Menteri Luar berkata Dr Mahathir meminta kerjasama kerajaan Dr Cimoszewicz untuk melaksanakan hasrat negara ini membina kemudahan menyimpan minyak sawit di Poland.

Dr Mahathir turut menyambut baik cadangan Poland untuk mengadakan kerjasama pertahanan dengan Malaysia.

Ketika ditanya sama ada kedua-dua pemimpin membincangkan soal pembelian senjata, beliau berkata perkara itu tidak ditimbulkan pada mesyuarat hari ini.

"Bagaimanapun, Dr Mahathir menyatakan penghargaan terhadap penyertaan Poland pada Pertunjukan Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) baru-baru ini dan berkata Poland boleh menggunakan kemudahan di LIMA untuk memperkenalkan perkakas ketenteraannya kepada bakal pembeli," kata Abdullah.

Malaysia dan Poland juga menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal. -- BERNAMA

MAM MAI

